

BERITA HARIAN

DATE: 12/12/2008

Program BTN tak bersifat perkauman: Abdullah

BH - 12/12/09
Bekas Perdana Menteri anggap kursus masih relevan masa kini

Oleh Norliza Wasilan
norlizawasilan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menegaskan program Biro Tata Negara (BTN) yang dikelolakan Jabatan Perdana Menteri tidak bersifat perkauman atau rasis.

Abdullah berkata, sejak pembabitannya dalam BTN ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, tiada langsung unsur perkauman di dalam program itu.

"Sepanjang yang saya tahu, sejarah BTN dari dulu sampai sekarang tidak bermaksud langsung untuk menyediakan modul yang berkaitan dengan perkauman.

"Kalau ada mana-mana individu mempunyai sikap perkauman, itu saya tak tahu lah, tapi program itu bukan bersifat perkauman, sebagai contoh pada zaman Tun Razak dulu, banyak ditekankan aspek berkaitan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan peranan pelajar pada masa itu.

"Pada zaman Tun Dr Mahathir (Mohamad), banyak



ABDULLAH bersama Ketua Pengarah Ikim, Datuk Nik Mustapha Nik Hassan (kiri) beramah mesra dengan kakitangan Ikim pada Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang di Kuala Lumpur, semalam.

program diadakan (seperti) ceramah yang ada hubung kait dengan Wawasan 2020, jadi untuk mengatakan bahawa program itu bersikap perkauman adalah tidak betul langsung," katanya selepas Majlis Pelancaran Program Kerja Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) 2010 dan Anugerah Khidmat Cemerlang Ikim 2008 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian

mengulas tindakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang menuduh Dr Mahathir sebagai rasis kerana menolak pandangannya supaya modul kurikulum BTN dirombak bagi menggambarkan konsep 1Malaysia.

Ditanya sama ada BTN masih relevan dengan keadaan sekarang, Abdullah berkata, program itu bertujuan untuk memberi kesedaran dan pan-

dangan peserta.

"Pada masa sekarang umpamanya beri penerangan lanjut mengenai (gagasan) 1Malaysia, tentulah (BTN) masih relevan.

"Saya dengar kata sudah ada cadangan nak buat kurikulum baru... boleh jadi pendekatan baru itu semua ada hubung kait dengan 1Malaysia yang perlu disedarkan... saya rasa ia idea yang baik," katanya.